
AKTA PERSAINGAN 2010

GARIS PANDUAN > PEMATUHAN



“ **DISIPLIN
PROGRAM PEMATUHAN
MEMBOLEHKAN ANDA
MENGENAL PASTI
BAHAGIAN PERNIAGAAN
ANDA YANG BERISIKO
SUPAYA KEMUNGKINAN
BERLAKUNYA
PELANGGARAN UNDANG-
UNDANG DAPAT
DICEGAH.** ”

Sejak Akta Persaingan 2010 (AP 2010) digubal dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan, MyCC telah menyarankan supaya semua syarikat perniagaan mengkaji semula perjanjian, pengendalian dan prosedur mereka supaya mematuhi AP 2010. MyCC telah menasihatkan syarikat perniagaan supaya mengadakan satu program pematuhan undang-undang persaingan yang terpakai untuk semua pekerja, termasuk lembaga pengarah, bagi memastikan pematuhan yang berterusan kepada AP 2010.

MyCC telah menyediakan garis panduan ini untuk membantu syarikat perniagaan memahami apa yang diperlukan untuk melaksanakan program pematuhan undang-undang

persaingan. Ia bukanlah satu panduan yang muktamad dan syarikat perniagaan anda mungkin mempunyai proses alternatif untuk digunakan bagi mencapai pematuhan yang berjaya.

Sesebuah syarikat perniagaan boleh mendapatkan pelbagai faedah jika mengadakan program pematuhan undang-undang persaingan. Paling utama, ia membantu memastikan syarikat anda tidak melanggar AP 2010. Jika syarikat perniagaan anda dengan tidak sengaja melanggar AP 2010 walaupun mempunyai program pematuhan, ia boleh membantu dalam mengurangkan penalti yang dikenakan. Disiplin program pematuhan membolehkan anda mengenal pasti bahagian perniagaan anda yang berisiko supaya kemungkinan berlakunya pelanggaran undang-undang dapat dicegah.

Kepentingan program pematuhan undang-undang persaingan telah diperakui oleh pihak berkuasa persaingan di seluruh dunia. MyCC juga menyedari bahawa program pematuhan undang-undang persaingan akan mengambil masa dan menggunakan sejumlah perbelanjaan tetapi manfaatnya kepada perniagaan anda jauh melebihi semua itu.

AP 2010 mungkin memerlukan perubahan-perubahan yang signifikan kepada cara bagaimana perniagaan di Malaysia dijalankan. Program pematuhan undang-undang persaingan yang komprehensif akan membantu anda mengenal pasti perubahan-perubahan yang diperlukan oleh syarikat perniagaan anda dan membolehkan anda untuk meneruskan perniagaan anda, kerana anda tahu yang anda tidak melanggar AP 2010.



Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob
Pengerusi
Suruhanjaya Persaingan Malaysia

September 2013

PENGENALAN	04
APAKAH PROGRAM PEMATUHAN?	05
FAEDAH-FAEDAH PROGRAM PEMATUHAN	06 - 07
MENGGALAKKAN BUDAYA PEMATUHAN	08
MENGENAL PASTI DAN MENILAI RISIKO PERNIAGAAN ANDA	09 - 11
CIRI-CIRI PROGRAM PEMATUHAN	12 - 15
BAGAIMANA DENGAN PERNIAGAAN KECIL?	16
SENARAI SEMAK UNTUK PERNIAGAAN	17 - 18
MAKLUMAT LANJUT / PENAFIAN / HAK CIPTA	19

MyCC menyarankan semua syarikat perniagaan di Malaysia mengambil langkah-langkah untuk memastikan pematuhan AP 2010. Ini melibatkan kajian semula semua cara pengurusan dan amalan sedia ada untuk pematuhan AP 2010 dan pelaksanaan program pematuhan undang-undang persaingan yang berterusan ("program pematuhan"), yang dibuat khusus mengikut keperluan perniagaan masing-masing.

Tiada program pematuhan yang bersifat 'satu saiz muat semua'. Ini adalah kerana setiap syarikat perniagaan perlu menilai risiko undang-undang persaingannya sendiri dan menentukan apa yang diperlukan untuk memastikan pematuhan. Setiap syarikat perniagaan perlu mengkaji semula pengurusan kontraktual dan bukan kontraktual dan juga amalan perniagaan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang urusan sedia ada yang memerlukan perhatian. Sebaik sahaja ini disempurnakan, setiap syarikat perniagaan perlu memperkenalkan satu program pematuhan yang direka khas serta mengukuhkan pematuhan kepada undang-undang persaingan. Keperluan-keperluan khusus itu berbeza mengikut jenis perniagaan, bergantung kepada saiz dan dalam industri mana syarikat perniagaan itu beroperasi. Risiko-risiko berbeza yang dihadapi oleh setiap jenis perniagaan perlulah dinyatakan dalam program pematuhan itu.



Kajian semula ke atas pengurusan syarikat perniagaan anda akan memberi anda peluang untuk menimbangkan pengendalian perniagaan oleh pesaing anda, pembekal dan kenalan-kenalan perniagaan anda yang lain. Jika pengendalian perniagaan pesaing, pembekal atau pelanggan anda adalah antipersaingan, syarikat perniagaan anda boleh mengemukakan aduan mengenai syarikat perniagaan tersebut kepada MyCC. Oleh itu, AP 2010 boleh digunakan sebagai satu alat untuk mempertahankan syarikat anda daripada amalan-amalan antipersaingan dalam industri.

Garis panduan ini menyenaraikan perkara-perkara yang menurut MyCC adalah perlu diambil kira untuk memastikan satu program pematuhan undang-undang persaingan yang berkesan. Ia bukanlah satu senarai yang menyeluruh atau muktamad. Syarikat perniagaan anda mungkin telah mempunyai program pematuhannya sendiri yang dapat memenuhi pematuhan undang-undang persaingan dengan baik.

Program pematuhan ialah satu set polisi dan prosedur yang direka bentuk untuk memastikan bahawa syarikat perniagaan anda mematuhi AP 2010. Polisi dan prosedur berbeza mengikut jenis perniagaan, jenis industri, dan bergantung kepada risiko undang-undang persaingan.

TIADA perniagaan yang boleh terlibat dalam aktiviti kartel tegar, seperti menetapkan harga, berkongsi pasaran, membataskan pengeluaran dan melakukan tipuan bida. Aktiviti-aktiviti seperti ini adalah **SENTIASA** menyalahi undang-undang, tanpa mengira saiz perniagaan yang terlibat atau dalam industri mana perniagaan itu beroperasi.

Dalam kes lain, risiko undang-undang persaingan adalah berbeza. Risiko yang dihadapi mungkin lebih besar dalam industri bertumpuan tinggi, syarikat-syarikat besar yang berada di kedudukan (berkemungkinan dominan) yang kukuh atau bagi syarikat-syarikat yang selalu berhubung dengan pesaing mereka. Risiko undang-undang persaingan mungkin lebih rendah bagi syarikat-syarikat perniagaan kecil yang memiliki bahagian pasaran yang sangat kecil. Jenis-jenis risiko yang dihadapi itu perlulah dinyatakan dalam program pematuhan anda.

CIRI-CIRI

Sebaik sahaja syarikat anda mengenal pasti dan menilai risiko undang-undang persaingan perniagaan anda, syarikat anda perlulah melaksanakan program pematuhan.

Kebanyakan program pematuhan undang-undang persaingan perlu mengandungi perkara seperti berikut:

- Pernyataan Polisi Pematuhan;
- Buku Panduan Pematuhan Undang-undang Persaingan;
- Latihan untuk semua kakitangan yang terlibat, termasuk pengurusan kanan;
- Wakil atau Jawatankuasa Pematuhan Undang-undang Persaingan;
- Laporan Tetap; dan Audit Berkala.

Tahap perincian yang diperlukan untuk setiap ciri-ciri ini adalah berbeza, bergantung kepada saiz syarikat perniagaan anda dan jenis risiko yang anda telah kenal pasti. Ia diterangkan di bawah.

Sejak **AP 2010** diperkenalkan pada **1 Januari 2012**, program pematuhan adalah penting untuk memastikan tadbir urus korporat yang baik untuk perniagaan-perniagaan di Malaysia. Ia boleh menjadi sebahagian daripada satu program pematuhan korporat yang lebih luas, merangkumi perkara-perkara seperti kesihatan dan keselamatan, anti-rasuah atau isu-isu alam sekitar.

TERDAPAT BEBERAPA FAEDAH UNTUK SYARIKAT PERNIAGAAN ANDA JIKA SYARIKAT MEMPUNYAI PROGRAM PEMATUHAN

PENDIDIKAN

Program pematuhan memberikan peluang kepada syarikat perniagaan anda untuk mendidik pekerja anda supaya mereka memahami apakah yang dibenarkan dan apakah yang tidak dibenarkan di bawah AP 2010. Pekerja anda juga perlu memahami kuasa MyCC dalam menjalankan siasatan, termasuk kewajipan untuk mematuhi arahan untuk memberikan maklumat atau dokumen dan untuk bekerjasama sewaktu pemeriksaan.

PETUA PRAKTIKAL

Pekerja anda akan dapat bertindak dengan lebih yakin dalam urusan perniagaan mereka jika mereka memahami apa yang dibenarkan dan apa yang tidak dibenarkan di bawah AP 2010.

PENALTI

MyCC mempunyai kuasa untuk mengenakan penalti yang besar (sehingga 10% daripada pusing ganti seluruh dunia) terhadap syarikat perniagaan yang didapati menyalahi AP 2010. Risiko syarikat perniagaan anda melanggar AP 2010 akan dikurangkan dengan signifikan jika anda mempunyai program pematuhan. MyCC mungkin menimbangankan untuk mengurangkan penalti terhadap syarikat perniagaan yang mempunyai program pematuhan yang berkesan.

KELONGGARAN

Jika syarikat perniagaan anda sentiasa menyemak semula aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat, ia akan menyediakan peluang untuk mengenal pasti kemungkinan terjadinya pelanggaran AP 2010 sebelum MyCC berbuat demikian. Syarikat perniagaan anda boleh memohon untuk diberi kelonggaran. MyCC akan mengumumkan panduan selanjutnya tentang polisi kelonggarannya apabila tiba masanya.

PETUA PRAKTIKAL

Permohonan untuk kelonggaran yang diluluskan boleh menyebabkan 100% pengurangan bagi penalti yang perlu dibayar oleh syarikat perniagaan anda. Anda hanya layak untuk memohon kelonggaran jika anda mengenal pasti pelanggaran itu sebelum MyCC berbuat demikian. Di bidang kuasa yang lain, banyak syarikat telah bermanfaat dari pengurangan 100% daripada denda yang dikenakan dengan menjadi syarikat perniagaan yang pertama memaklumkan pihak berkuasa persaingan yang berkenaan mengenai pelanggaran.

KEROSAKAN KEPADA REPUTASI DAN MASA DAN KOS PENYIASATAN

Jika syarikat perniagaan anda diasas oleh MyCC, ia akan mengambil banyak masa dan sumber untuk mempertahankan sebuah penyiasatan. Ia juga akan berkemungkinan menimbulkan publisiti negatif dan merosakkan reputasi syarikat perniagaan anda, terutamanya jika perniagaan anda didapati telah menyalahi AP 2010.

PETUA PRAKTIKAL

Dalam sebuah kajian OFT terbaru di UK, kerosakan kepada reputasi diletakkan sebagai pencegahan yang lebih berkesan berbanding penalti yang dikenakan kerana pelanggaran undang-undang persaingan.

Reputasi pengurus kanan akan terkesan jika mereka dikaitkan dengan syarikat perniagaan yang telah melanggar AP 2010.

TINDAKAN PERSENDIRIAN

Mana-mana pihak yang mengalami kerugian atau kerosakan secara langsung akibat pelanggaran AP 2010 boleh mengambil tindakan terhadap pihak yang melanggar Akta tersebut. Ini bermakna syarikat perniagaan anda boleh disaman oleh pihak lain di mahkamah sivil jika didapati melanggar AP 2010. Ini merupakan tambahan kepada sebarang denda yang perlu dibayar kepada MyCC. Risiko syarikat perniagaan anda menyalahi AP 2010 akan berkurangan dengan signifikan jika anda mempunyai program pematuhan di syarikat anda.

CONTOH PRAKTIKAL

Ini bermakna yang salah satu daripada pesaing, pembekal atau pelanggan anda boleh mengambil tindakan terhadap syarikat perniagaan anda untuk mendapatkan pampasan sekiranya mereka percaya bahawa mereka telah mengalami kerugian disebabkan atau kerosakan sebagai akibat langsung dari pelanggaran AP 2010 oleh syarikat perniagaan anda.

URUS TADBIR KORPORAT YANG BAIK

Syarikat perniagaan yang lain (termasuk syarikat perniagaan antarabangsa) akan melihat kewujudan program pematuhan sebagai satu tanda positif yang syarikat perniagaan anda mempunyai urus tadbir korporat yang baik. Mereka mungkin lebih gemar berurusan dengan syarikat anda.

PENGGUNAAN AP 2010 SEBAGAI SATU ALAT

Anda juga boleh menggunakan AP 2010 untuk mengemukakan aduan mengenai pengendalian syarikat perniagaan pesaing anda, pembekal atau kenalan perniagaan anda yang lain jika ada diantaranya didapati bersifat antipersaingan.

Setiap syarikat perniagaan harus menggalakkan budaya pematuhan. Peraturan dan garis panduan mungkin tidak mencukupi untuk menyematkan rasa tanggungjawab terhadap undang-undang dalam diri setiap pekerja. Menggalakkan budaya pematuhan akan memastikan dengan lebih baik bahawa setiap pekerja pada setiap peringkat akan mematuhi pawaian etika dan memastikan diri mereka serta antara sesama mereka bertanggungjawab. Syarikat perniagaan secara keseluruhannya mestilah berpendirian yang sangat serius terhadap pematuhan persaingan. Ia bukan sahaja bermakna mematuhi satu set keperluan luaran, tetapi mematuhi undang-undang dalaman syarikat, jangkaan, polisi dan amalan terbaik.

Semata-mata mengadakan program pematuhan adalah tidak mencukupi.

Semua peringkat syarikat perniagaan perlu menyokong kewajipan untuk mematuhi AP 2010. Terutamanya, pengurusan kanan mestilah menyokong pematuhan persaingan kerana jika sebaliknya, ia tidak mungkin akan diambil serius oleh pekerja.

Syarikat perniagaan anda harus meletakkan polisi pematuhan undang-undang persaingan dalam pernyataan polisi pematuhan. Polisi itu perlulah dalam bentuk bertulis dan tersedia untuk semua pekerja.

PETUA PRAKTIKAL

Pernyataan polisi pematuhan undang-undang persaingan anda perlulah tersedia untuk semua pekerja dengan meletakkannya dalam intranet syarikat perniagaan anda, dalam kod tingkah laku pekerja atau di permulaan buku panduan pematuhan undang-undang persaingan anda.

Jika Ketua Pegawai Eksekutif anda dapat menandatangani polisi itu, ia akan menunjukkan betapa pentingnya pematuhan itu kepada syarikat perniagaan anda.

Peringatan berterusan kepada kakitangan anda yang menekankan keperluan untuk mematuhi AP 2010 akan membantu membangunkan satu budaya pematuhan.



Bagi mengenal pasti risiko undang-undang persaingan anda, semua perjanjian dan pengendalian perniagaan anda perlulah dikaji semula. Ini memerlukan pemeriksaan ke atas perjanjian kontraktual dan bukan kontraktual dan amalan perniagaan.

APABILA MENJALANKAN KAJIAN SEMULA, ANDA HARUS MEMBERI PERHATIAN KHUSUS KEPADA YANG BERIKUT:

KARTEL TEGAR (Hardcore Cartel)

Kartel tegar adalah pelanggaran AP 2010 yang paling serius dan menjadi keutamaan penguatkuasaan MyCC. Kebiasaannya kartel tegar (“hardcore cartel”) menjalankan aktiviti seperti menetapkan harga, berkongsi pasaran, membataskan pengeluaran dan melakukan tipuan bida. Jika anda mengenal pasti sebarang aktiviti kartel tegar, anda perlu memastikan ia dihentikan segera. Anda juga boleh mendapatkan nasihat undang-undang dengan sendiri dan/atau memaklumkan kepada MyCC mengenai kartel tegar itu, sebagai sebahagian daripada permohonan anda untuk kelonggaran.

Jika anda merupakan sebahagian daripada perbincangan untuk terlibat dalam sebarang aktiviti kartel tegar yang telah dijelaskan di atas, anda adalah dinasihatkan supaya menjauhkan diri anda dari perbincangan yang sedemikian.

PERJANJIAN DENGAN PESAING-PESAING

Setengah perjanjian yang diadakan antara pesaing-pesaing, seperti perjanjian pertukaran maklumat atau usaha sama untuk pembelian atau penjualan, boleh menjadi penghalang, penyekat atau mengganggu persaingan yang menyalahi AP 2010.

Jenis-jenis perjanjian seperti ini perlulah dipertimbangkan dengan berhati-hati untuk memastikan sama ada syarikat perniagaan anda berisiko melanggari AP 2010. Anda mungkin memerlukan bantuan pakar undang-undang persaingan.

Anda harus merujuk kepada **Garis Panduan MyCC yang terkandung dalam Larangan Bab 1** untuk maklumat lanjut.

PERJANJIAN DENGAN BUKAN PESAING

Perjanjian dengan bukan pesaing, seperti pembekal atau pengedar, juga boleh menjadi antipersaingan jika perjanjian tersebut mengandungi peruntukan tertentu, seperti pengekal harga jualan semula atau peruntukan bersifat eksklusif.

Jenis-jenis perjanjian seperti ini perlulah dipertimbangkan dengan berhati-hati untuk memastikan sama ada syarikat perniagaan anda berisiko melanggar AP 2010. Anda mungkin memerlukan bantuan pakar undang-undang persaingan.

Anda boleh merujuk kepada **Garis Panduan MyCC yang terkandung dalam Larangan Bab 1** untuk maklumat lanjut.

RISIKO-RISIKO YANG DIHADAPI JIKA SYARIKAT PERNIAGAAN ANDA BERADA DI **KEDUDUKAN DOMINAN**

Jika syarikat perniagaan anda memiliki bahagian yang besar dalam mana-mana pasaran yang ianya beroperasi, syarikat perniagaan anda disifatkan sebagai dominan dari segi undang-undang persaingan. Berada di kedudukan dominan tidak menyalahi undang-undang, tetapi menyalahgunakan kedudukan dominan itu adalah menyalahi undang-undang. Anda mungkin memerlukan bantuan pakar undang-undang persaingan untuk menentukan adakah syarikat perniagaan anda dominan.

Jika syarikat perniagaan anda adalah dominan (atau berkemungkinan dominan), anda perlu mengkaji semula amalan perniagaan anda untuk melihat mana-mana bahagian yang mungkin berisiko. Anda harus merujuk kepada **Garis Panduan MyCC yang terkandung dalam Larangan Bab 2** untuk maklumat lanjut.

PEKERJA-PEKERJA YANG MENGHADAPI RISIKO

Terdapat pekerja yang akan menghadapi risiko yang lebih tinggi berhubung pelanggaran AP 2010 disebabkan oleh kedudukan atau peranan mereka dalam syarikat perniagaan anda.

Adalah bijak untuk menemu duga pekerja-pekerja ini untuk mengenal pasti sama ada sebarang amalan perniagaan mereka adalah berisiko melanggar AP 2010. Anda mungkin perlu mendapatkan khidmat pakar undang-undang persaingan untuk membantu anda dalam proses ini.



PETUA PRAKTIKAL

Pekerja-pekerja yang mungkin perlu ditemu duga antaranya termasuklah:

- Pihak pengurusan kanan, kerana kedudukan mereka yang kanan dalam pengurusan;
- Pekerja pemasaran dan jualan;
- Pekerja-pekerja yang menetapkan harga untuk produk anda;
- Pegawai Perolehan;
- Pekerja-pekerja yang menghadiri mesyuarat persatuan perdagangan atau acara-acara industri kerana ia juga dihadiri oleh pesaing-pesaing;
- Pekerja-pekerja yang terlibat dalam merundingkan perjanjian pengedaran;
- Pekerja-pekerja yang terlibat dalam menyediakan bidaan;
- Pekerja-pekerja yang sering berjumpa dengan pesaing-pesaing anda, contohnya, kerana anda mempunyai usaha sama dengan pesaing tersebut.

MENILAI RISIKO-RISIKO

Selepas syarikat perniagaan anda mengenal pasti risiko-risiko undang-undang persaingan, anda perlu menilai tahap keseriusan risiko-risiko tersebut. Bahagian-bahagian yang berisiko tinggi itu memerlukan perhatian segera daripada anda; yang lain pula memerlukan kajian semula dan penilaian lanjut. Anda mungkin memerlukan bantuan pakar undang-undang persaingan untuk melakukan penilaian lanjut ini.

PETUA PRAKTIKAL

Anda boleh mentakrifkan risiko-risiko menurut klasifikasi seperti 'tinggi, sederhana atau rendah' atau 'merah, kuning atau hijau' kerana sistem seperti ini membantu anda untuk menyusun mengikut keutamaan bahagian-bahagian yang berisiko.

Program pematuhan anda hanya akan berkesan jika ia dapat memastikan pematuhan **yang berterusan**. Adalah tidak memadai jika anda sekadar melakukan kajian semula ke atas pengurusan dan amalan semasa anda, menyelesaikan sebarang masalah yang ada dan meneruskan perniagaan seperti biasa.

Bagi memastikan pematuhan berterusan, syarikat perniagaan anda harus melaksanakan program pematuhan, termasuk ciri-ciri yang diterangkan di bawah. Tahap perincian yang diperlukan adalah berbeza bergantung kepada saiz perniagaan anda dan sifat risiko-risiko yang telah anda kenal pasti itu.

BUKU PANDUAN PEMATUHAN **UNDANG-UNDANG PERSAINGAN**

Buku panduan pematuhan undang-undang persaingan harus disediakan dan tersedia untuk semua pekerja. Ia harus:

- Menerangkan bagaimana AP 2010 terpakai kepada syarikat perniagaan anda dalam bahasa yang mudah (bukan bahasa undang-undang);
- Menumpukan kepada bahagian-bahagian yang anda telah kenal pasti sebagai berisiko sederhana sehingga ke berisiko tinggi kepada syarikat perniagaan anda; dan
- Menyediakan contoh-contoh andaian dan contoh kes sebenar, supaya pekerja-pekerja anda dapat memahami pelanggaran AP 2010 yang berpotensi memberikan implikasi serius.



PETUA PRAKTIKAL

Buku panduan pematuhan itu harus menerangkan apa-apa prosedur yang anda mahu pekerja-pekerja anda patuhi. Ini boleh termasuk:

- Pekerja-pekerja dikehendaki untuk merekod semua bentuk perhubungan dengan pesaing (sama ada melalui telefon, mesyuarat atau di acara-acara industri) dengan memperkenalkan 'borang perhubungan pesaing' dan mewajibkan pekerja untuk menyerahkannya kepada pengurusan kanan selepas pertemuan mereka itu.
- Semua kontrak perlu diperiksa oleh peguam syarikat.
- Pekerja-pekerja dikehendaki untuk merekod kehadiran mereka dalam mesyuarat persatuan perdagangan atau merekod keahlian persatuan.

Ia juga boleh meletakkan garis panduan untuk pekerja-pekerja bagi perkara-perkara seperti:

- Mesyuarat berkenaan harga
- Menghadiri mesyuarat persatuan
- Perhubungan dengan pesaing
- Perkongsian maklumat

Ia boleh mengandungi satu senarai ringkas mengenai perkara yang patut dan tidak patut dilakukan yang dicetak di atas kad kecil untuk diletakkan di atas meja pekerja-pekerja anda.

Buku panduan pematuhan itu juga harus mengandungi prosedur untuk dipatuhi oleh pekerja-pekerja jika mereka mempunyai soalan atau keraguan berhubung undang-undang persaingan.

LATIHAN

Latihan wajib mengenai AP 2010 haruslah disediakan untuk pengurusan kanan dan semua pekerja, terutamanya yang berada di bahagian yang berisiko sederhana dan tinggi dalam syarikat perniagaan anda.

Latihan itu harus menerangkan dalam cara yang praktikal bagaimana undang-undang itu terpakai kepada syarikat perniagaan anda, sebagai contoh, dengan menyertakan contoh-contoh yang relevan kepada perniagaan anda dan juga industri. Ia harus menerangkan akibat-akibat dari pelanggaran undang-undang itu dan kuasa yang dimiliki oleh MyCC untuk menyasat kemungkinan pelanggaran AP 2010.

PETUA PRAKTIKAL

Program latihan undang-undang persaingan anda harus dijalankan oleh profesional yang berpengalaman. Sekiranya boleh Ketua Pegawai Eksekutif anda atau salah seorang daripada pengurusan kanan anda berucap dalam sesi latihan itu untuk menekankan betapa pentingnya pematuhan undang-undang persaingan itu kepada syarikat anda.

Latihan secara berdepan (“face-to-face”) adalah paling berfaedah untuk pekerja-pekerja anda, terutamanya yang berada di bahagian yang berisiko sederhana hingga ke yang tinggi. Latihan susulan atau latihan untuk pekerja yang berada di bahagian berisiko rendah juga boleh disediakan melalui latihan berdasarkan interaktif komputer.

Program latihan anda harus disesuaikan mengikut keperluan syarikat perniagaan anda dan harus mengandungi contoh-contoh situasi yang biasa terjadi dalam perniagaan anda. Ia juga boleh mengandungi contoh-contoh yang relevan kepada industri anda.

Latihan itu harus di kaji semula dengan tetap kerana isu-isu yang dihadapi oleh perniagaan anda dan juga industri akan berubah dari semasa ke semasa.

Anda juga boleh mengarahkan pekerja-pekerja yang telah menjalani latihan pematuhan undang-undang persaingan supaya:

- Melengkapkan satu ujian untuk menentukan sama ada mereka memahami latihan yang telah diterima;
- Menandatangani satu borang perakuan kehadiran latihan. Ini akan membantu mereka untuk menghargai kepentingan latihan.
- Menandatangani satu pernyataan sebagai sebahagian daripada proses pemeriksaan tahunan mereka yang mengesahkan bahawa mereka tidak menyedari berlaku sebarang pelanggaran undang-undang persaingan.

Anda juga boleh memaklumkan kepada kakitangan anda bahawa, setelah menamatkan latihan itu, tindakan disiplin boleh diambil terhadap mereka bagi sebarang penglibatan dalam pelanggaran AP 2010.

JAWATANKUASA PEMATUHAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN

Syarikat perniagaan anda harus melantik satu jawatankuasa (atau seorang individu untuk syarikat perniagaan kecil) yang bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan undang-undang persaingan. Jawatankuasa ini (atau individu) haruslah bersedia untuk memberikan panduan kepada pekerja-pekerja anda dan menjawab persoalan yang timbul dari semasa ke semasa.

PETUA PRAKTIKAL

Anda boleh melantik seorang 'juara' undang-undang persaingan di setiap bahagian syarikat perniagaan anda. Individu ini tidak perlu terdiri daripada pakar undang-undang tetapi harus mempunyai pemahaman yang baik tentang apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh syarikat perniagaan anda bagi mematuhi undang-undang persaingan. Individu ini haruslah sentiasa bersedia untuk menjawab sebarang pertanyaan dan keraguan daripada semua kakitangan berkenaan undang-undang persaingan.

LAPORAN

Jawatankuasa pematuhan (atau individu) harus menyediakan laporan tetap untuk lembaga pengarah atau pengurusan kanan yang menerangkan bagaimana pematuhan undang-undang persaingan diuruskan dalam syarikat perniagaan anda.

AUDIT BERKALA


Anda patut menjalankan audit secara tetap (mungkin setahun sekali) untuk memeriksa yang syarikat perniagaan anda mengekalkan budaya pematuhan dan mengenal pasti sebarang risiko baharu yang mungkin timbul. Audit itu juga patut menimbang dengan teliti sama ada program pematuhan yang diadakan itu masih lagi sesuai untuk menangani risiko undang-undang persaingan yang ada kerana ia mungkin berubah mengikut masa.

PETUA PRAKTIKAL

Mungkin agak sukar untuk menjalankan audit ke atas keseluruhan pengurusan syarikat perniagaan anda. Sebaliknya, ia mungkin lebih praktikal untuk menjalankan audit ke atas segmen perniagaan anda yang dipilih secara rawak.

Anda mungkin mahu menjalankan serbuan percubaan ("mock raid") yang dimana pakar-pakar undang-undang persaingan berpura-pura menjalankan pemeriksaan ke atas premis anda untuk mencari perjanjian yang bersifat antipersaingan. Ini akan memberi peluang kepada syarikat perniagaan anda untuk menguji bagaimana tindak balas anda sekiranya berlaku serbuan oleh MyCC dan juga untuk mengenal pasti mana-mana bahagian baharu yang mempunyai risiko undang-undang persaingan.

Semua syarikat perniagaan, sama ada besar atau kecil, mesti mematuhi AP 2010. Walau bagaimanapun, MyCC mengakui bahawa risiko pelanggaran AP 2010 adalah lebih rendah bagi syarikat perniagaan yang kecil kerana aktiviti syarikat perniagaan kecil tidak memberi kesan yang ketara terhadap pasaran.



Ingat: Aktiviti-aktiviti kartel yang tegas (menetapkan harga, berkongsi pasaran, membataskan pengeluaran dan melakukan tipuan bida) adalah dilarang untuk semua syarikat perniagaan, tanpa mengira saiz.

MyCC mengesyorkan yang syarikat perniagaan kecil perlu memastikan:

- Dokumen disediakan untuk mengingatkan kakitangan tentang perkara penting yang patut dan tidak patut dilakukan bagi memastikan pematuhan AP 2010;
- Kakitangan diberi latihan bagaimana AP 2010 terpakai kepada perniagaan. Latihan ini harus mengandungi contoh-contoh dan maklumat yang relevan tentang akibat-akibat dari pelanggaran AP 2010;
- Seorang kakitangan kanan dilantik sebagai 'titik perhubungan' undang-undang persaingan yang mana kakitangan boleh mengajukan sebarang soalan atau keraguan tentang undang-undang persaingan;
- Proses pematuhan undang-undang persaingan diperiksa secara tetap untuk memastikan yang ianya masih relevan.

Langkah-langkah ini agak mudah dan tidak memerlukan perbelanjaan yang besar. Persatuan industri anda mungkin boleh membantu anda dengan satu senarai 'perkara yang patut dan tidak patut' dilakukan dan/atau latihan undang-undang persaingan yang telah disesuaikan untuk industri anda. Ini mungkin boleh disediakan pada kos yang rendah untuk setiap syarikat perniagaan.

MyCC telah menyediakan cadangan senarai semak yang berikut bagi syarikat-syarikat perniagaan sebagai sebahagian daripada aktiviti-aktiviti pematuhan undang-undang persaingan.

- ✓ Pastikan syarikat perniagaan anda memahami kewajipannya di bawah AP 2010.
- ✓ Pastikan pekerja-pekerja anda memahami yang AP 2010 adalah terpakai kepada syarikat perniagaan anda.
- ✓ Jalankan kursus latihan wajib yang tetap tentang AP 2010 untuk pekerja-pekerja anda, sebaik-baiknya yang disesuaikan untuk keperluan perniagaan anda.
- ✓ Amalkan budaya pematuhan persaingan di syarikat perniagaan anda, terutamanya pada peringkat pengurusan kanan.
- ✓ Periksa pengurusan perniagaan semasa anda dan kenal pasti mana-mana bahagian yang berisiko.
- ✓ Ambil langkah-langkah perlu untuk menangani risiko-risiko yang telah anda kenal pasti.
- ✓ Adakan satu buku panduan undang-undang persaingan atau satu senarai semak, yang disesuaikan untuk syarikat perniagaan anda termasuk contoh-contoh praktikal dan bahagian-bahagian penting yang berisiko bagi perniagaan anda.
- ✓ Lantik seorang pegawai pematuhan yang terdiri daripada seseorang dari syarikat perniagaan anda yang bertanggungjawab ke atas pematuhan undang-undang persaingan.
- ✓ Lakukan pemeriksaan tetap untuk memastikan program pematuhan anda berjalan baik.

MyCC telah menyediakan cadangan senarai semak yang berikut bagi syarikat-syarikat perniagaan sebagai sebahagian daripada aktiviti-aktiviti pematuhan undang-undang persaingan.

- ✓ Hadiri mesyuarat persatuan profesional atau persatuan perdagangan anda tetapi...
- ✗ **JANGAN** bincangkan aspek-aspek sensitif dari segi perdagangan untuk perkara-perkara seperti harga, pengeluaran atau tender.
- ✓ Putuskan harga dan kuantiti produk atau perkhidmatan anda, kawasan-kawasan yang anda beroperasi dan tender yang akan dibida oleh anda secara **BEBAS**.
- ✗ **JANGAN** mencapai sebarang persetujuan dengan pesaing-pesaing anda berkenaan:
 - Harga bagi produk/perkhidmatan anda;
 - Pasaran yang dimana anda beroperasi;
 - Pembatasan pengeluaran; atau
 - Syarikat mana yang akan membida untuk tender yang tertentu.
- ✓ Bersaing sedaya-upaya anda dalam pasaran anda tetapi...
- ✗ **JANGAN** salahgunakan pengaruh anda di pasaran jika anda memegang kedudukan yang dominan.
- ✓ Pastikan yang pekerja-pekerja anda memahami kuasa MyCC untuk menjalankan penyiasatan, terutamanya kuasa untuk mengarahkan penyerahan maklumat dan dokumen dan menggeledah premis.
- ✓ **INGAT:** Faedah-faedah yang diperolehi kerana melaksanakan program pematuhan mengatasi kos yang dikeluarkan.

Jika anda memerlukan sebarang maklumat lanjut, sila emel:

enquiries@mycc.gov.my

Maklumat lanjut mengenai AP 2010 dan lain-lain pengumuman oleh MyCC boleh didapati di laman sesawang berikut:

www.mycc.gov.my

Dewan Perniagaan Antrabangsa telah menerbitkan Kit Pematuhan *Antitrust* yang menyediakan panduan berguna selanjutnya. Ia tersedia di laman sesawang mereka:

<http://www.iccwbo.org/Advocacy-Codes-and-Rules/Document-centre/2013/ICC-Antitrust-Compliance-Toolkit/>

PENAFIAN

Dokumen ini disediakan untuk membantu syarikat perniagaan di Malaysia untuk memahami langkah-langkah penting yang terlibat dalam melaksanakan program pematuhan undang-undang persaingan. Ia tidak dimaksudkan sebagai satu panduan yang menyeluruh atau muktamad dan tidak juga sebagai pengganti kepada keperluan untuk semua syarikat perniagaan untuk mendapatkan sendiri nasihat tentang apa yang diperlukan bagi mematuhi AP 2010.

HAKCIPTA

Hakcipta dalam dokumen ini adalah kepunyaan MyCC. Teks penerbitan ini boleh disebut atau dicetak semula dengan syarat hakcipta MyCC dipatuhi.





SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

Aras 15, Menara SSM@Sentral,
No.7, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.

Tel: +603-2273 2277

Faks: +603-2272 2293

Emel: enquiries@mycc.gov.my

Laman sesawang: www.mycc.gov.my

 <http://www.facebook.com/theMyCC>

 <http://www.youtube.com/MyCompetitionNews>

Tarikh penerbitan versi Bahasa Malaysia: November 2014